

Petani bantu tingkatkan tanaman sayur dan buah di Negeri Sembilan

SEREMBAN - Sebanyak 236 hektar tanah terbiar di negeri ini diusahakan usahawan tani dalam bidang tanaman makanan sepanjang tahun lalu.

Menteri Besar Negeri Sembilan, Datuk Seri Aminuddin Harun berkata, kebanyakan petani mengusahakan tanaman sayur dan buah-buahan bagi membantu meningkatkan pengeluaran produk makanan negeri ini.

Menurutnya, kerajaan negeri memperuntukkan RM1 juta untuk program pembangunan tanah terbiar dan sehingga kini sambutan diterima memberangsangkan.

"Kalau dulu kita yang cari petani untuk usahakan tanah terbiar, tetapi sekarang ramai yang mencari."

"Tahun ini sahaja permohonan untuk mengusahakan tanah terbiar sudah penuh walaupun sekarang baru bulan Mac, tetapi kita sudah ada lebih 200 pemohon."

"Kita mahu di setiap daerah ada usaha untuk menge-

luarkan hasil tanaman mereka sendiri, tidak hanya di Jelebu atau Kuala Pilah, tetapi kalau boleh semua daerah ada pengeluaran produk pertanian dan industri asas tani," katanya.

Beliau berkata demikian ketika ditemui selepas Majlis Penyerahan Insentif Jaminan Bekalan Makanan Pasca-Perintah Kawalan Pergerakan di Tasik Villa Port Dickson pada Isnin.

Mengulas lanjut, Aminuddin berkata, kerajaan negeri memandang serius terhadap usaha memajukan sektor pertanian di Negeri Sembilan dan pihaknya telah memperuntukkan sebanyak RM14 juta melalui Belanjawan Negeri 2021 bagi memperkasa ekonomi rakyat.

Katanya, sebanyak RM1 juta telah diperuntukkan bagi program pembangunan tanah terbiar, meliputi penyediaan infrastruktur ladang seperti penyediaan kawasan, sistem pengairan dan bahan input pertanian.



Aminuddin (tengah) bersama peserta usahawan tani Negeri Sembilan di Tasik Villa Port Dickson pada Isnin.